

# "EMPAT ORANG PELAJAR UMS SERTAI PROGRAM PENGUKUHAN RAKAN MUDA"

Disediakan oleh :  
Norhana Bte Nordin

Empat orang kepimpinan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menyertai Program Pengukuhan Rakan Muda IPT 2012 yang telah diadakan di Menara Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya. Program sehari itu telah disertai oleh 54 buah IPT Awam dan Swasta dari seluruh Negara dan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Razali Ibrahim turut dilaksanakan dalam program tersebut untuk memperlihatkan objektif dalam merapatkan hubungan antara pemimpin Negara bersama-sama pemimpin pelajar.

Empat orang mahasiswa UMS yang mewakili UMS iaitu, Mohd Juhar Harun dan Mohd Abu Suhud Faizal, dari Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS Sesi 2010/2011 dan Muhammad Jumrat Minsun dan Mohd Syamsul Samsuddin, dari Sekretariat Rakan Muda UMS yang diiringi oleh seorang Pegawai Pengiring iaitu Cik Norhana Bte Nordin; Penyelaras Sekretariat Rakan Muda UMS. Program tersebut bermatlamat untuk membuka ruang perbincangan dua hala antara Bahagian Hal Ehwal pelajar dan Pemimpin pelajar IPT seluruh Negara



Saudara Mohd Juhar (MPP UMS) sedang bertanyakan soalan dalam program tersebut.

untuk berkongsi cadangan atau penambahbaikan perlaksanaan program Rakan Muda di peringkat kampus di seluruh Malaysia.

Selain itu, program ini juga dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan peranan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

dan Sekretariat Rakan Muda (SRM) IPT dalam memupuk semangat kerjasama untuk menjayakan program Kementerian Belia dan Sukan di Peringkat Kampus. Sesi ramah mesra bersama Timbalan Menteri Belia dan Sukan; Dato' Razali Ibrahim turut dilaksanakan dalam program tersebut untuk memperlihatkan objektif dalam merapatkan hubungan antara pemimpin Negara bersama-sama pemimpin pelajar.



4 orang mahasiswa UMS dan Cik Norhana (Pegawai HEP) bergambar kenangan bersama YB. Dato' Razali Bin Ibrahim (Timbalan Menteri Belia dan Sukan).